

Ruj. Fail : MBSJ.KP.100-6/1/1 Jld 2 ()

**MINIT MESYUARAT PENUH
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA
BIL. 1 TAHUN 2022**

Tarikh : 26 Januari 2022 (Rabu)

Masa : 10.00 pagi – 12.00 tengah hari

Tempat : *Hybrid*
Bilik Mesyuarat Kenanga dan
Secara Dalam Talian
(Aplikasi Zoom *Meeting*)

Kehadiran : Seperti di Lampiran A

1.0 BACAAN DOA

Mesyuarat dimulakan dengan bacaan doa oleh Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, Pengarah Kejuruteraan, Majlis Bandaraya Subang Jaya.

2.0 TAYANGAN AKTIVITI BULAN DISEMBER 2021

Tayangan video sorotan program dan aktiviti sepanjang bulan Disember 2021.

3.0 PERUTUSAN TIMBALAN DATUK BANDAR

Timbalan Datuk Bandar memulakan mesyuarat dengan mengucapkan salam kepada semua yang hadir dan memaklumkan bahawa mesyuarat ini merupakan Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya yang pertama bagi tahun 2022 dan dilaksanakan secara *hybrid* iaitu bersemuka serta secara dalam talian. Seterusnya pemakluman beberapa perkara seperti yang berikut :

- i) Semua ahli mesyuarat secara dalam talian diminta untuk mengaktifkan video dan memaparkan wajah sebenar sepanjang mesyuarat berlangsung bagi memastikan keberadaan semasa mesyuarat. Ahli mesyuarat juga perlu memastikan mikrofon dimatikan agar tidak mengganggu sesi mesyuarat. Sekiranya ahli mesyuarat ingin menyuarakan pendapat, maka mikrofon boleh dihidupkan untuk tujuan tersebut.
- ii) Pengisytiharan kepentingan peribadi bagi Mesyuarat Penuh. Semua ahli mesyuarat diwajibkan mengisytihar kepentingan peribadi ke atas sebarang keputusan yang dibincangkan serta hendaklah berkecuali dengan menyatakan kepentingan dan berundur diri seketika semasa perbincangan. Selaras dengan keputusan Mesyuarat MMKN bil 21/2018, Ahli Majlis diminta mengisi borang Pengisytiharan Kepentingan Ahli Mesyuarat setiap kali mesyuarat diadakan.

- iii) Pemakluman larangan menggunakan peralatan komunikasi semasa mesyuarat berlangsung.

- iv) Seterusnya, Timbalan Datuk Bandar memaklumkan mengenai penanggungungan tugas Datuk Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya yang telah diputuskan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan Ke 42/2021 (Khas) iaitu bersetuju bahawa beliau akan menanggung tugas sebagai Datuk Bandar MBSJ sehingga urusan pelantikan Datuk Bandar MBSJ yang baharu selesai. Beliau akan menjalankan tugas sebagai Timbalan Datuk Bandar dan sekaligus menanggung tugas-tugas Datuk Bandar MBSJ.

- v) Dimaklumkan juga mengenai Inventori *Greenhouse Gas (GHG)* dan Pelan Tindakan Perubahan Iklim MBSJ 2020. Kajian Inventori Gas Rumah Hijau dan Pelan Tindakan Perubahan Iklim MBSJ 2020 sedang dalam peringkat pengumpulan maklumat. Kajian ini akan melibatkan *stakeholder* di seluruh pentadbiran Majlis Bandaraya Subang Jaya iaitu :
 - Agensi Kerajaan
 - Institusi Kerajaan (Suruhanjaya Tenaga, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, Jabatan Statistik Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia dan lain-lain)
 - Syarikat Pengangkutan dan Utiliti (Prasarana dan KTMB)

- Agensi Swasta
 - Pengusaha Perniagaan
 - Pemilik Industri

Kajian dan Laporan Inventori GHG ini dilaksanakan secara menyeluruh iaitu *city-wide* dan menggunakan garis panduan *Global Protocol for Community-Scale Greenhouse Gas Emission Inventories (GPC)*. Data dan maklumat yang diperlukan adalah penggunaan tenaga elektrik, petrol, diesel, gas, air, bahan kimia, keluasan lantai bersih, jangka masa operasi, output pengeluaran dan perjalanan kakitangan.

Semua data dan maklumat yang dikumpulkan ini akan dipastikan kerahsiaannya melalui *Non-Disclosure Agreement (NDA)* yang ditandatangani oleh semua pemberi data. Kajian ini dilaksanakan dengan tujuan bagi menyediakan data tanda aras (*baseline*) inventori GHG yang komprehensif meliputi semua aktiviti yang berlaku di dalam kawasan Bandaraya Subang Jaya.

Hasil kajian ini akan menunjukkan jumlah keseluruhan jejak karbon atau *carbon footprint* Subang Jaya bagi tahun 2020, intensiti karbon daripada Kadar Keluaran Negara Kasar atau KDNK Subang Jaya, intensiti karbon perkapita Subang Jaya dan kedudukan karbon bagi setiap pengguna.

Dengan mengetahui *baseline* secara terperinci bagi setiap aktiviti maka jurang di antara keperluan antarabangsa dan negara, begitu

juga standard dan *best practices* akan dapat diukur dan dikenalpasti. Selanjutnya pelan tindakan perubahan iklim yang bersesuaian, efektif dan memberi impak mampan kepada ekonomi, alam sekitar dan masyarakat akan dapat dirancang dan dilaksanakan.

Pelan Tindakan Perubahan Iklim Bandaraya Subang Jaya ini selaras dengan komitmen kerajaan persekutuan kepada *UNFCCC (United Nations Framework Convention on Climate Change)* di persidangan COP26 UK bagi pengurangan 45% intensiti karbon daripada KDNK pada tahun 2030 dan *Carbon Neutral* pada tahun 2050.

Antara faedah-faedah kajian ini adalah seperti berikut :

- Bagi pembangunan sedia ada, Pihak Majlis boleh merancang dan memperkenalkan peraturan dan polisi baharu yang bersesuaian serta mengadakan program-program mitigasi dan adaptasi mengikut keutamaan yang mampu memberi impak positif kepada ekonomi, alam sekitar dan seluruh penduduk Subang Jaya;
- Ia juga dapat mengenal pasti peluang penjimatan kos operasi terutama aspek penggunaan tenaga elektrik dan bahan api bagi keseluruhan operasi;
- Hasil kajian terperinci bagi setiap pengguna akan dapat membantu pemain industri menjimatkan kos operasi, meningkatkan kecekapan, daya saing dan secara langsung

meningkatkan *profitability* mereka. Pihak Majlis akan beroleh faedah apabila kutipan hasil bertambah;

- Menjadikan MBSJ sebagai sebuah bandaraya yang setaraf dengan bandaraya-bandaraya lain dari segi kemampanan bandar;
- Bagi masyarakat, inventori dan pelan tindakan ini secara tidak langsung akan menambah pengetahuan serta kesedaran mereka terhadap penjagaan alam sekitar, peluang pekerjaan yang baharu, peluang perniagaan serta persekitaran yang lebih bersih dan selamat. Secara keseluruhannya kaedah pembangunan mampan akan meningkatkan pendapatan perkapita penduduk di seluruh kawasan Majlis Bandaraya Subang Jaya.

Kajian Inventori Gas Rumah Hijau ini bermula pada September 2021 sehingga Mei 2022. Status semasa pengumpulan maklumat mengikut agensi adalah seperti berikut:

- Agensi Kerajaan
 - Penerimaan Surat Permohonan Data – 100%
 - Maklumbalas – 87%
 - Dalam Peringkat Penyediaan data dan semakan NDA – 13%
 - Data telah diperolehi – 60%
- Syarikat Swasta
 - Pengusaha Perniagaan – 12% (Maklum balas Data)
 - Pemilik Industri – 20% (Maklum balas Data)

Jabatan Perancangan Bandar MBSJ sedang berusaha untuk mempercepatkan proses pengumpulan data dengan membuat pelantikan kakitangan *contract for service* sebanyak 4 orang pada bulan Februari 2022 bagi membantu proses pengumpulan dan mengemaskini data yang diperolehi daripada agensi kerajaan dan swasta.

MBSJ menyeru semua pihak yang terlibat untuk memberikan kerjasama dengan berkongsi data-data dan maklumat seperti yang diperlukan agar Kajian Inventori GHG dan Pelan Tindakan Perubahan Iklim Bandaraya Subang Jaya yang memberi faedah kepada semua pihak dapat dibangunkan dengan jayanya.

- vi) Seterusnya adalah memaklumkan berhubung penganjuran Anugerah Majlis Perwakilan Penduduk MBSJ Tahun 2021 yang merupakan inisiatif Majlis untuk memberi pengiktirafan kepada Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) MBSJ di dalam membantu pihak Majlis melalui usaha-usaha yang disalurkan kepada komuniti/masyarakat.

Anugerah ini juga dapat memberi ruang dan peluang kepada MPP MBSJ untuk bersaing secara sihat dalam pembentukan masyarakat dan bandaraya yang *vibrant*. Majlis ini akan di adakan pada hari Jumaat, 28 Januari 2021 bertempat di Sunway Resort Hotel jam 8.00 malam dengan bertemakan pakaian batik.

- vii) Program Menembak MBSJ Bersama Rakan Media Tahun 2022 merupakan acara tahunan bersama rakan media serta agensi-agensi keselamatan yang lain. Program menembak pada tahun ini merupakan penganjuran kali ke empat dilaksanakan dengan kerjasama Ibu Pejabat Polis Subang Jaya. Program ini akan diadakan pada hari Khamis, 17 Februari 2022 jam 8.30 pagi bertempat di Lapang Sasar Menembak Kebangsaan Subang.
- viii) Dimaklumkan juga mengenai situasi semasa demam denggi di MBSJ iaitu sehingga Minggu Epid 3 daripada 16 Januari 2022 sehingga 22 Januari 2022 terdapat sebanyak 148 kes positif demam denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MBSJ. Terdapat 2 lokaliti hotspot denggi dilaporkan di kawasan pentadbiran MBSJ iaitu di Pangsapuri Angsana USJ 1 dan di USJ 11/1. Sehingga kini terdapat 25 kes positif denggi di Pangsapuri Angsana USJ 1 dalam tempoh 48 hari dan 10 kes positif denggi di USJ 11/1 dalam tempoh 33 hari.
- ix) Seterusnya situasi semasa kes Covid 19 dimana statistik sehingga 23 Januari 2022, terdapat lebih 2.8 juta kes positif Covid 19 dilaporkan di Malaysia dengan lebih 31 ribu kes kematian. Di Negeri Selangor pula terdapat lebih 805 ribu kes positif Covid 19 dengan lebih 10 ribu kes kematian. Statistik bagi Daerah Petaling, terdapat lebih 233 ribu kes positif Covid 19 dengan lebih 81 ribu kes adalah di kawasan pentadbiran MBSJ. Sebanyak 300 kes positif Covid 19 dilaporkan di kalangan kakitangan MBSJ setakat ini sejak pandemik bermula. Situasi semasa di MBSJ terdapat 4

kes aktif dengan kesemuanya menjalani kuarantin sendiri di rumah.

Sehubungan dengan itu, masyarakat diminta untuk tidak leka dan terus mematuhi SOP yang telah ditetapkan dengan mengelakkan 3S (Sesak, Sempit, Sembang Dekat) dan mengamalkan 3W iaitu Wash (kerap basuh tangan/guna handsanitizer), Wear (digalakkan memakai pelitup mulut dan hidung), Warn (tidak bersalaman, etika batuk/bersin, disinfeksi, periksa suhu badan).

- x) Dimaklumkan juga terdapat satu kejadian tanah runtuh telah berlaku di bawah kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Subang Jaya pada hari Selasa, 25 Januari 2022 lebih kurang jam 6.30 petang bertempat di Jalan LP 1A/2 Lestari Perdana, Seri Kembangan, Selangor.

Punca kejadian adalah disebabkan oleh mendapan tanah di kawasan berhampiran longkang dan tempat letak kereta berikutan pergerakan air bawah tanah dan hujan lebat. Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) MBSJ telah bergegas ke lokasi sejurus mendapat makluman daripada pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Zon Petaling dan IPD Serdang.

Hasil siasatan mendapati runtuh tebing sepanjang 90 meter dengan ketinggian 9 meter di mana lima (5) buah kenderaan turut terlibat di dalam kejadian runtuh tersebut namun tiada sebarang kemalangan jiwa dilaporkan.

Lanjutan daripada pemantauan sekaligus memastikan keselamatan orang awam dan peniaga, 17 premis komersial di hadapan kawasan runtuh telah diarahkan untuk memberhentikan sebarang operasi dan mengosongkan premis serta merta sehingga kawasan disahkan selamat. Pemilik kenderaan yang berada di kawasan berdekatan lokasi kejadian turut diminta mengalihkan segera kenderaan masing-masing bagi mengelakkan sebarang kejadian berulang. Orang awam adalah dilarang untuk memasuki kawasan kejadian. Kawalan 24 jam telah mula dijalankan sejak semalam oleh anggota penguatkuasa dan pasukan PANTAS MBSJ bersama IPD Serdang.

Pihak MBSJ turut melaksanakan kerja-kerja pengukuhan tebing sepanjang 150 meter (*sheet pile*) di kawasan kejadian runtuh. Usaha pemasangan cerucuk kepingan ini adalah bertujuan menghalang pergerakan air bawah tanah bagi mengelakkan runtuh bertambah buruk sekaligus bertindak sebagai dinding penahan untuk perlindungan di tebing cerun. Proses pemasangan dijangka akan selesai dalam tempoh 7 hari yang telah bermula sejak malam tadi.

Pelbagai agensi telah bersama berganding bahu dalam memastikan keadaan terkawal serta penyelesaian bagi masalah bencana ini. YBhg. Dato' Johary bin Anuar, Pegawai Daerah Petaling bersama YBrs. Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, Timbalan Datuk Bandar MBSJ telah turun tapak melawat ke lokasi

runtuhan di LP1A/2 Lestari Perdana, Seri Kembangan pada pagi ini. Turut hadir meninjau lokasi kejadian adalah ACP A.A Anbalagan, Ketua Polis Daerah Serdang dan PKPjB Noarazam bin Khamis, Pengarah BOMBA Negeri Selangor.

Semasa sesi lawatan tapak ini perkara perbincangan adalah berkaitan pelaksanaan kajian menyeluruh bagi mengenal pasti punca runtuhan. Satu perbincangan dan kajian daripada beberapa agensi dan jabatan yang terlibat akan diadakan dalam masa yang terdekat dalam usaha mengenal pasti reka bentuk bagi mengatasi masalah kejadian runtuhan serta kaedah penyelesaian jangka panjang.

Pihak MBSJ akan sentiasa melaporkan berkenaan situasi terkini dari masa ke masa. Sebarang aduan atau permasalahan boleh dilaporkan terus menerusi aplikasi Aduan Awam MBSJ atau Pusat Panggilan MBSJ (Command Center) di talian 03 8024 7700.

- xi) Di kesempatan ini juga, Timbalan Datuk Bandar mengucapkan selamat menyambut Tahun Baharu Cina pada 1 dan 2 Februari 2022 kepada semua warga kerja dan penduduk di Bandaraya MBSJ yang merayakannya. Dalam kegembiraan meraikan perayaan, namun jangan sesekali alpa dan perlu sentiasa mengamalkan langkah-langkah penjagaan kebersihan serta keselamatan diri sendiri dengan mengamalkan norma baharu dan mengikut SOP yang telah ditetapkan. Kita jaga kita, kita jaga keluarga kita, kita jaga komuniti kita.

- xii) Beliau turut mengucapkan terima kasih kepada semua yang hadir dan berharap mesyuarat pada hari ini berjalan lancar.

4.0 PENGESAHAN MINIT MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 13/2021

Minit Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 13/2021 bertarikh 29 Disember 2021 disahkan tanpa sebarang pindaan.

5.0 MAKLUM BALAS MESYUARAT PENUH MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA BIL. 13/2021

Maklum balas Mesyuarat Penuh Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 13/2021 bertarikh 29 Disember 2021 disahkan tanpa sebarang pindaan.

6.0 PEMBENTANGAN LAPORAN MESYUARAT JAWATANKUASA

6.1 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 22/2021 bertarikh 22 Disember 2021

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima dan mengesahkan laporan serta keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.2 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) Perancangan dan Pembangunan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2022 bertarikh 12 Januari 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima dan mengesahkan laporan serta keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.3 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kemasyarakatan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2022 bertarikh 12 Januari 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima dan mengesahkan laporan serta keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan beberapa cadangan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	-	Encik Mohd Tarmizi bin Lazim	Hal-hal lain	Beliau mencadangkan pelaksanaan program <i>Back to School</i> . Keputusan Mesyuarat : Mesyuarat bersetuju supaya program ini diadakan selaras dengan saranan pihak

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				Kerajaan Negeri terutamanya bagi membantu meringankan beban masyarakat yang terkesan dengan bencana banjir. Tindakan : Jabatan Pembangunan Masyarakat

6.4 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kawalan Perniagaan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2022 bertarikh 13 Januari 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima dan mengesahkan laporan serta keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.5 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Infrastruktur, Pengangkutan dan Kemudahan Awam Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2022 bertarikh 13 Januari 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima dan mengesahkan laporan serta keputusan yang terkandung

dalam laporan tersebut dengan beberapa cadangan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.5.1, & m/s 8	Encik Yap Kok Weng	Isu Kesesakan Trafik di kawasan Bukit Tandang. Cadangan penyelesaian untuk membuat jalan sambung dari Bukit Tandang ke Taman Kinrara, Seksyen 5.	<p>Beliau memohon penyelesaian segera berhubung isu kesesakan trafik di Bukit Tandang memandangkan sesi persekolahan telah bermula dan telah menyebabkan kesesakan trafik semakin meningkat. Tindakan segera perlu diambil bagi mengatasi masalah ini.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat meminta Jabatan untuk mengambil tindakan segera serta membuat tinjauan di tapak bagi mengenal pasti penyelesaian yang bersesuaian.</p> <p>Tindakan : Jabatan Kejuruteraan</p>

6.6 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2022 bertarikh 14 Januari 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima dan mengesahkan laporan serta keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

6.7 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2022 bertarikh 19 Januari 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima dan mengesahkan laporan serta keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.25 5.26, & m/s 22	Encik Yap Kok Weng	Kertas cadangan kupon-kupon pengguna parkir majlis yang telah luput diganti kupon baru. Cadangan mengekalkan penggunaan	Keputusan daripada Mesyuarat Pre Council adalah memohon penjelasan terperinci mengenai perkara ini dan juga membawa perkara ini ke Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat untuk dilaporkan secara

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
			<p>kupon bayaran letak kereta sehingga stok cetakan kupon habis di MBSJ</p>	<p>terperinci mengenai tatacara dan lain-lain perkara yang berkaitan sebelum suatu keputusan dibuat.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat bersetuju dengan cadangan yang telah diputuskan di dalam Mesyuarat Pre Council dan juga bersetuju mengekalkan keputusan terdahulu (<i>status quo</i>) berkenaan isu ini sehingga suatu keputusan selanjutnya diputuskan.</p> <p>Tindakan :</p> <p>Jabatan</p> <p>Perbendaharaan dan</p> <p>Jabatan Audit Dalam</p>

6.8 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kesihatan dan Kesejahteraan Bandar Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil. 1/2022 bertarikh 19 Januari 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima dan mengesahkan laporan serta keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut dengan cadangan seperti yang berikut:

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
1.	Para 5.2 m/s 4	Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh	Pemakluman berkaitan lokaliti tempat <i>hotspot</i> denggi di kawasan MBSJ.	Beliau memohon maklumat terperinci berhubung isu denggi terutamanya tempat hotspot yang dikenal pasti serta lokasi-lokasi lain yang menjadi punca pembiakan aedes. Beliau khawatir impak pelaksanaan program tidak mencapai sasaran dan tidak menunjukkan pengurangan kes. Oleh itu, beliau memohon <i>special task force</i> ditubuhkan oleh jabatan-

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>jabatan terlibat untuk membantu menangani masalah ini kerana perkara yang melibatkan nyawa tidak boleh diambil ringan. Tindakan yang berkesan perlu dilaksanakan supaya dapat memberikan kesedaran kepada orang awam.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat meminta jabatan untuk mengaturkan program di DUN Sri Serdang serta memastikan impak program dapat memberikan kesedaran kepada penduduk setempat. Di samping membuat tinjauan di lokasi-lokasi berpotensi</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>pembiakan larva, Jabatan juga perlu membuat pelaporan beserta data yang lengkap.</p> <p>Tindakan : Jabatan Kesihatan</p>
2.		Encik M. Anbarasan A/L Murugesu		<p>Beliau memaklumkan bahawa kawasan LP 5 juga merupakan kawasan <i>hot spot</i> denggi. Antara punca yang dikenal pasti adalah kawasan rumah kongsi Pemaju Paragon yang disyaki menjadi punca pembiakan nyamuk aedes.</p> <p>Keputusan Mesyuarat:</p> <p>Jabatan terlibat perlu turun ke tapak bersama Ahli Majlis kawasan dan membuat siasatan bagi</p>

Bil	Para & M/Surat	Ahli Majlis	Perkara	Cadangan
				<p>mengenal pasti punca sebenar.</p> <p>Tindakan : Jabatan Kesihatan dan Jabatan Bangunan</p>
3.	Para 2.1 & m/s 2	Encik Mehanathan A/L Embamurthi	Masalah Kutipan Sampah Pukal	<p>Beliau berharap kutipan sampah pukal dapat diselesaikan segera sebelum menjelang perayaan Tahun Baharu Cina.</p> <p>Keputusan Mesyuarat :</p> <p>Mesyuarat meminta tindakan segera diambil sebelum perayaan Tahun Baharu Cina pada awal Februari ini.</p> <p>Tindakan : Jabatan Pengurusan Alam Sekitar</p>

6.9 Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Perkhidmatan dan Teknologi Maklumat Majlis Bandaraya Subang Jaya Bil 1/2022 bertarikh 21 Januari 2022

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat bersetuju menerima dan mengesahkan laporan serta keputusan yang terkandung dalam laporan tersebut.

7.0 PEMBENTANGAN KERTAS MESYUARAT

**7.1 Kerja Kerja Kempen Menembak Gagak di Kawasan Pentadbiran Majlis Bandaraya Subang Jaya
-Kertas Mesyuarat Bil. 1/1/2021**

Kertas kerja telah disediakan oleh Jabatan Kesihatan dan dibentangkan oleh Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, Pengarah Jabatan Kesihatan.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju dengan pembentangan kertas kerja yang dibentangkan beserta implikasi kewangan yang terlibat.

Tindakan : Jabatan Kesihatan

7.2 Kertas Makluman Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) Bilangan 2 Tahun 2021 Berkaitan Garis Panduan Pendaftaran dan Pelesenan Perniagaan Dalam Talian di Negeri Selangor -Kertas Mesyuarat Bil. 2/2022

Kertas makluman ini telah disediakan oleh Jabatan Pelesenan dan dibentangkan oleh Encik Muhammad Azli bin Miswan, Pengarah Jabatan Pelesenan.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima Kertas Makluman Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) Bilangan 2 Tahun 2021 Berkaitan Garis Panduan Pendaftaran dan Pelesenan Perniagaan Dalam Talian di Negeri Selangor.

Makluman

**7.3 Kertas Makluman Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) Bilangan 3 Tahun 2021 Berkaitan Garis Panduan Pelesenan Premis Sukan Elektronik (Esports) Negeri Selangor
-Kertas Mesyuarat Bil. 3/2022**

Kertas makluman ini telah disediakan oleh Jabatan Pelesenan dan dibentangkan oleh Encik Muhammad Azli bin Miswan, Pengarah Jabatan Pelesenan.

Keputusan Mesyuarat :

Setelah meneliti dan berbincang, mesyuarat telah bersetuju menerima Kertas Makluman Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) Bilangan 3 Tahun 2021 Berkaitan Garis Panduan Pelesenan Premis Sukan Elektronik (Esports) Negeri Selangor.

Makluman

8.0 UCAPAN PENANGGUHAN

Ucapan penanguhan telah disampaikan oleh Encik Mohan Singh A/L Surtar Singh, wakil daripada Parti DAP.

9.0 PENUTUP

Timbalan Datuk Bandar mengucapkan terima kasih dan mesyuarat ditangguhkan pada jam 12.00 tengah hari.

Tarikh Disediakan : 31 Januari 2022

" SELANGOR MAJU BERSAMA "

" MESRA, CEKAP DAN BERINTEGRITI "

Disediakan oleh;

.....
(Ir. Rosli bin Mohammad Yunus), K.M.N., P.J.K.
Pengarah Kejuruteraan
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

Disahkan oleh;

.....
(Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali), A.M.N., A.M.S.
Timbalan Datuk Bandar
MAJLIS BANDARAYA SUBANG JAYA

LAMPIRAN

HADIR DI PEJABAT

- | | | | |
|----|--|---|-------------------------|
| 1. | Tuan Haji Mohd Zulkurnain bin Che Ali, A.M.N., A.M.S.
Timblan Datuk Bandar | - | Pengerusi |
| 2. | Ir. Rosli bin Mohammad Yunus, K.M.N., P.J.K.
Pengarah, Jabatan Kejuruteraan | - | Setiausaha
Mesyuarat |

HADIR (AHLI MAJLIS)DI PEJABAT

- | | | | |
|-----|--|---|-------------|
| 1. | Encik Yap Kok Weng | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik M. Anbarasan A/L Murugesu | - | " |
| 3. | Tuan Ar. Kamarul Hisham bin Hj.Yeop Hashim | - | " |
| 4. | Encik Mohan Singh a/l Surtar Singh | - | " |
| 5. | Encik Mehanatan a/l Embamurthi | - | " |
| 6. | Encik Thomas Yew Sin | - | " |
| 7. | Encik Wong Yii Seang | - | " |
| 8. | Puan Lee Jen Uyin | - | " |
| 9. | Puan Ng Seow Chen | - | " |
| 10. | Encik Mohd Tarmizi bin Lazim | - | " |

- | | | | |
|-----|---------------------------------------|---|---|
| 11. | Encik Mohd Fitri bin Jamaludin | - | " |
| 12. | Encik Mohd Syafiq bin Mohamad Norizan | - | " |
| 13. | Encik Jaafar bin Mat Akid | - | " |

HADIR (AHLI MAJLIS)- DALAM TALIAN DI KEDIAMAN MASING-MASING

- | | | | |
|-----|-----------------------------------|---|-------------|
| 1. | Encik Chia Yew Ken | - | Ahli Majlis |
| 2. | Encik Thamilarusu a/l Sandayan | - | |
| 3. | Encik Thong Kim Fatt | - | " |
| 4. | Encik Muhammad Khairil bin Khalid | - | " |
| 5. | Encik Teh Eng Teck | - | " |
| 6. | Puan Aniza binti Jamaludin | - | " |
| 7. | Encik Kenneth Sam A/L Samintahan | - | " |
| 8. | Cik Syafiqa binti Zakaria | - | " |
| 9. | Encik Jestin Raj Savarimuthu | - | " |
| 10. | Encik Muhammad Fauzan bin Rosli | - | " |
| 11. | Encik Mohamad Kamil bin Harun | - | " |

TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)- PEJABAT

1. Tuan. Hj. Mohd Fadzil bin Mahat, A.M.N., A.M.S.
Pengarah, Jabatan Perbendaharaan
2. Encik Ismail bin Salim, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Penguatkuasaan
3. Puan Hjh. Anita binti Abd Jalil, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Undang-Undang
4. Sr. Aida binti Omar, MRISM
Pengarah, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
5. Puan Hjh. Sharifah Rohaida binti Abd Rahman, P.J.K.
Pengarah, Jabatan Hasil
6. Ts Azura Binti Mohd Don
Pengarah, Jabatan Pengurusan Alam Sekitar
7. Encik Azli bin Miswan
Pengarah, Jabatan Pelesenan
8. Puan Rubaizah binti Mohamed Noh
Timbalan Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat
9. TPr. Hazman bin Mohd Mahayudin
Timbalan Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar

**TURUT HADIR (PEGAWAI MPSJ)- DALAM TALIAN DI PEJABAT
MASING-MASING**

1. Dr. Roslan bin Mohamed Hussin, A.M.S.
Pengarah, Jabatan Kesihatan
2. Encik Nor Azmi bin Hj. Mohd Rosli, P.P.T.
Pengarah, Jabatan Bangunan
3. Encik Samzol bin Saat
Pengarah, Jabatan Teknologi Maklumat
4. Puan Hjh. Noraziah binti Ali, K.M.N, P.J.K.
Pengarah, Unit Audit Dalam
5. Sr Nazarudin bin Mashtuki
Pengarah, Jabatan Kontrak dan Ukur Bahan
6. Encik Farid bin Ibrahim
Pengarah, Jabatan OSC
7. Sr. Mohd Marwan bin Khalilludin
Pengarah, Jabatan COB
8. Encik Afzarizal Bin Abdul Rashid
Timbalan Pengarah, Jabatan Korporat dan Pengurusan Strategik
9. Puan Azlina Binti Mat Salim
Penolong Pengarah (Kanan), Jabatan Landskap
10. Puan Emilia binti Nasir
Penolong Pengarah, Unit Integriti

TIDAK HADIR DENGAN MAAF

1. TPr Ismail bin Muhamad, A.I.S
Pengarah, Jabatan Perancangan Bandar
2. Encik Muhammad Zaki bin Yusoff
Pengarah, Jabatan Pembangunan Masyarakat

URUSETIA

1. Puan Nik Zalina binti Megat Muda
Timbalan Pengarah, Jabatan Khidmat Pengurusan
2. Puan Juliana binti Jaafar
Penolong Pegawai Tadbir Kanan, Jabatan Khidmat Pengurusan
3. Sakinah binti Mohammad
Pembantu Tadbir, Jabatan Khidmat Pengurusan